



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

***MIMPI* (2018): ADAPTASI ELEMEN ORANG ULU DALAM  
REKAAN KOSTUM WATAK OBERON, TITANIA DAN  
PUCK**

**Amielya Fariha Binti Azmi**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian  
(Drama dan Teater)**

**2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: A

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 22 day of MAY 2019.

Student's Declaration:

I AMIELYA FARIHA BINTI AZMI hereby declare that the work entitled MIMPI (2018): ADAPTASI ELEMEN ORANG ULU DALAM REKAAN KOSTUM WATAK OBERON, TITANIA DAN PUCK is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

22 MAY 2019  
Date submitted

AMIELYA FARIHA BINTI AZMI (55446)  
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I ENCIK MUHAMMAD AZRI BIN ALI hereby certifies that the work entitled MIMPI (2018): ADAPTASI ELEMEN ORANG ULU DALAM REKAAN KOSTUM WATAK OBERON, TITANIA DAN PUCK was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (DRAMA AND THEATRE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:   
(MUHAMMAD AZRI BIN ALI)

Date: 22/5/2019

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL**(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

#### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature

  
(2019)

Supervisor signature

  
(2019)

Current Address:

123, Jalan Desa Aman S18/6 Taman Desa Aman 09400, Padang Serai, Kedah.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

(The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services)

***MIMPI* (2018): ADAPTASI ELEMEN ORANG ULU DALAM REKAAN  
KOSTUM WATAK OBERON, TITANIA DAN PUCK**

AMIELYA FARIHA BINTI AZMI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Drama dan Teater)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2019

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Grade: \_\_\_\_\_

**Please tick (√)**

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the .....day of.....2019.

**Student's Declaration:**

I AMIELYA FARIHA BINTI AZMI hereby declare that the work entitled MIMPI (2018): ADAPTASI ELEMEN ORANG ULU DALAM REKAAN KOSTUM WATAK OBERON, TITANIA DAN PUCK is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

22 MAY 2019  
Date submitted

AMIELYA FARIHA BINTI AZMI (55446)  
Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

I ENCIK MUHAMMAD AZRI BIN ALI hereby certifies that the work entitled MIMPI (2018): ADAPTASI ELEMEN ORANG ULU DALAM REKAAN KOSTUM WATAK OBERON, TITANIA DAN PUCK was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (DRAMA AND THEATRE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: \_\_\_\_\_  
(**MUHAMMAD AZRI BIN ALI**)

Date: \_\_\_\_\_

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL**(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*
- OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
(2019)

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
(2019)

Current Address:

123, Jalan Desa Aman S18/6 Taman Desa Aman 09400, Padang Serai, Kedah.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

(The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services)

## PENGAKUAN

Projek ini bertajuk *Mimpi (2018): Adaptasi Elemen Orang Ulu dalam Rekaan Kostum Watak Oberon, Titania dan Puck* telah disediakan oleh **Amielya Fariha Binti Azmi** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Drama dan Teater**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

(Muhammad Azri Bin Ali)

Tarikh:

---

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan kajian bagi projek tahun akhir yang bertajuk *Mimpi* (2018): Adaptasi Elemen Orang Ulu dalam Rekaan Kostum pada Watak Oberon, Titania dan Puck.

Setinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia saya iaitu Encik Muhammad Azri bin Ali yang banyak memberi tunjuk ajar dan membantu sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Ahmad Kamal Basyah bin Sallehuddin selaku pensyarah bagi kursus Projek Tahun Akhir yang telah memberikan motivasi dalam menyiapkan kajian ini.

Seterusnya penghargaan serta ucapan ribuan terima kasih turut diucapkan kepada keluarga saya yang memberi bantuan dari segi kewangan dan kata-kata semangat sepanjang berada di Universiti Malaysia Sarawak, Unimas. Pengorbanan yang diberikan sangat dihargai dan tak akan dilupakan.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada para pereka bagi pementasan *Mimpi* iaitu Nur Syarafina binti Suhaimy sebagai pereka set serta Chin Leh Zhu sebagai pereka cahaya yang banyak memberikan idea sepanjang proses pementasan berlangsung. Tidak dilupakan rakan seperjuangan lain yang turut memberikan bantuan secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali, tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada Nor Rafidah binti Kadir yang merupakan alumni program Teknologi Seni Reka pengkhususan Seni Reka Tekstil dan Fesyen dalam membantu saya merealisasikan hasil akhir berdasarkan lakaran yang dilakukan. Bantuan yang diberi dalam menjayakan kajian ini sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.



## SENARAI ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Senarai Isi Kandungan	ii-iv
Abstrak	v
<i>Abstract</i>	vi
Senarai Rajah	vii
<b>BAB 1            PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	1-3
1.3    Skop Kajian	3-4
1.4    Pernyataan Masalah	4
1.5    Persoalan Kajian	4-5
1.6    Objektif Kajian	5
1.7    Kepentingan Kajian	5-6
1.8    Kesimpulan	7
<b>BAB 2            KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1    Pendahuluan	8
2.2 <i>Intercultural Theatre</i>	8-9
2.3    Pembentukan Watak	9
2.4    Status Watak Dalam Pementasan	10
2.5 <i>Colour and Composition</i>	11
2.6 <i>Make Believe</i>	11-12
2.7    Motif Orang Ulu	12-13
2.8    Kesimpulan	13

<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	14
3.2	Kerangka Konsep	14-15
3.3	Teknik Pengumpulan Data	15
3.3.1	Data Primer	17
3.3.2	Data Sekunder	17-18
3.4	Kesimpulan	18
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pendahuluan	19
4.2	Mengenalpasti Bentuk Serta Maksud Motif Orang Ulu	19-20
4.3	<i>Mise En Scene</i>	21
4.3.1	Sinopsis Naskhah <i>Mimpi</i>	21-22
4.3.2	<i>Genre</i>	23-40
4.3.3	Analisis Watak	41-60
4.3.4	<i>Character Analysis Addendum</i>	61-63
4.3.5	Kajian Visual	64-66
4.4	Proses Penghasilan Kostum	67-74
4.5	Kesimpulan	75
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.1	Pendahuluan	76
5.2	Proses Mengadaptasi Dan Pemahaman Watak	76
5.3	Memahami Motif Orang Ulu	77
5.4	Kekurangan Masa	77-78

5.5	Kegagalan Penghasilan Kostum Titania	78
5.6	Cadangan	78-79
BIBLIOGRAFI		80
LAMPIRAN		81-85

## ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada mengadaptasi elemen Orang Ulu ke dalam rekaan kostum watak Oberon, Titania dan Puck dalam pementasan *Mimpi*. Naskhah asal *Mimpi* adalah karya William Shakespeare, *A Midsummer Night's Dream* dan telah diterjemahkan kepada Bahasa Malaysia oleh Ahmad Yatim yang diberi tajuk, *Impian Malam di Tengah Musim Panas*. Kajian ini bertujuan untuk memahami serta mendalami motif etnik Orang Ulu untuk diadaptasi ke dalam kostum para pelakon. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan merujuk bahan ilmiah seperti buku, jurnal dan kajian lepas sebagai sumber utama dalam penyelidikan kajian ini. Pengkaji menggunakan analisis bahan bacaan yang diperolehi dari perpustakaan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan laman web.

## **ABSTRACT**

*This research is mainly focus on adapting element of Orang Ulu in designing costume for Oberon, Titania dan Puck characters in Mimpi performance. The original play was written by William Shakespeare, A Midsummer Night's Dream and has been translated to Bahasa Malaysia by Ahmad Yatim with title Impian Malam di Tengah Musim Panas. The aims of the research is to understand motifs in Orang Ulu culture and adapting it into appropriate costumes for a stage performance. Researcher used qualitative approaches using reference such as books, journals and past research to enhance this study. The researcher used an analysis of reading material obtained from the library of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) and website.*

## SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
4.1 Contoh gambaran kostum Oberon	64
4.2 Contoh gambaran kostum Titania	65
4.3 Contoh gambaran kostum Puck	66
4.4 Kain bagi pakaian Oberon	69
4.5 Kain bagi pakaian Oberon	69
4.6 Kain bagi pakaian Titania	70
4.7 Kain bagi pakaian Puck	70
4.8 Kain bagi pakaian Puck	71
4.9 Kain bagi pakaian Puck	71
4.10 Lakaran kostum Oberon	72
4.11 Lakaran kostum Titania	73
4.12 Lakaran kostum Puck	74

# BAB SATU

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Kajian ini adalah mengenai adaptasi elemen Orang Ulu yang dikenakan pada rekaan kostum Oberon, Titania dan Puck dalam pementasan *Mimpi*. Pada bab ini, pengkaji akan menghuraikan latar belakang kajian, skop dan limitasi kajian, masalah yang dihadapi, persoalan yang timbul dan kepentingan kajian yang dijalankan. Pendekatan yang dirangka dalam kajian ini membantu pengkaji dalam mendapatkan penyelidikan yang lebih jelas serta mudah untuk difahami. Dengan mengupas elemen-elemen tersebut, ia membantu pengkaji dalam mendapatkan gambaran mengenai kajian ini.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

*A Midsummer Night's Dream* merupakan sebuah karya yang bergenre komedi romantik dimana Shakespeare telah memfokuskan kepada dua bahagian cerita melibatkan dunia realiti dan fantasi. Egeus, ibu kepada Hermia berjumpa dengan Theseus untuk mendapatkan hak sebagai ibu dengan mengahwinkan anaknya kepada Demetrius. Namun, cinta Hermia hanya pada Lysander manakala Helena memuja Demetrius sebagai kekasih hatinya. Dalam masa yang sama di sebuah kawasan hutan, terdapat sebuah kerajaan yang didiami oleh sekumpulan makhluk alam fantasi. Oberon, raja pari cemburu akan isterinya Titania yang melebihkan anak angkatnya. Oberon mengarahkan Puck mendapatkan air debunga kasih untuk dijampikan kepada Titania demi kepuasannya membalas keengganan Titania memberikan hak jagaan anak tersebut. Manakala di sebuah kampung, sekumpulan pekerja desa berkumpul bagi membincangkan persembahan yang akan dipentaskan pada hari perkahwinan Theseus dan Hippolyta. Latihan mereka tidak berjalan dengan lancar berikutan diganggu oleh Puck iaitu dengan menukarkan wajah Bottom menjadi seekor keldai.

Kisah cinta empat segi antara Lysander, Hermia, Demetrius dan Helena menarik perhatian Oberon. Atas rasa kasihan, Oberon mengarahkan Puck untuk menitiskan air debunga pada Demetrius untuk mencintai Helena. Malangnya Puck menitiskan air debunga pada Lysander. Menyedari tindakan salah guna kuasa air debunga tersebut, Oberon nekad memperbaiki hubungannya dengan Titania dan menyatukan semula pasangan tersebut.

Konsep pengarah untuk pementasan *Mimpi* adalah *Intercultural Adaptation* iaitu dengan mengadaptasikan budaya Sarawak atau dispesifikasikan kepada etnik Orang Ulu dalam persembahan kali ini. Latar masa bagi pementasan ini ialah pada zaman sekarang. Pengarah masih mengekalkan dialog yang telah diadaptasikan kepada Bahasa Malaysia oleh Ahmad Yatim dan hanya memasukkan elemen Orang Ulu pada rekaan set pentas dan kostum. Tema yang dikemukakan oleh pengarah adalah *Love and Dream*. *Mimpi* merupakan pementasan pertama **unimastage** yang menggunakan naskhah Shakespeare dan diadaptasi kepada budaya Sarawak.

Tenaga produksi pementasan ini dikendalikan oleh pelajar Tahun 2 Drama dan Teater. Penglibatan pengkaji dalam pementasan *Mimpi* adalah sebagai pereka kostum. Ia merupakan pengalaman pertama pengkaji melibatkan diri dalam pementasan yang menggunakan naskhah Shakespeare kemudian diadaptasikan dengan elemen Sarawak. Dalam kajian ini, fokus utama rekaan kostum tertumpu kepada watak fantasi iaitu Oberon, Titania dan Puck. Dalam rekaan kostum watak-watak ini, motif Orang Ulu harus dimasukkan setelah mendapat persetujuan dan perbincangan bersama pengarah. Pengkaji perlu memahami perwatakan bagi setiap watak ini bagi memudahkan pergerakan mereka sepanjang pementasan berlangsung. Selain itu, pengkaji juga perlu menitikberatkan kepercayaan sesuatu perkara yang melibatkan etnik Orang Ulu



ini. Hal ini supaya sebarang percanggahan dapat dielakkan dan tidak menyentuh sensitiviti kaum itu sendiri.

Bilcher Bala (1933) mendefinisikan kaum yang mendiami kawasan hulu sungai Sarawak sebagai masyarakat Orang Ulu. Istilah Orang Ulu telah wujud sejak zaman pemerintahan Brooke di Sarawak. Mereka sering menggelarkan diri mereka sebagai kaum Orang Ulu. Jeffrey Jalong (2001) menyatakan dalam bukunya bahawa istilah Orang Ulu terkenal pada zaman Datuk Temenggung Oyong Lawai Jau iaitu pemimpin bagi kaum Kayan-Kenyah. Istilah Orang Ulu telah didokumentasikan secara rasminya sebanyak dua kali. Untuk kali pertama perasmian penggunaan Orang Ulu telah ditulis di dalam *Orang Ulu Customary Code of Fine* (1950) yang merupakan terbitan Majlis Adat Istiadat. Dokumentasi kedua didapati dalam buku Perlembagaan Persatuan Persekutuan Orang Ulu (OUNA) pada tahun 1966. Orang Ulu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam kesenian. Hal ini termasuk dalam seni bina, seni ukir dan seni tari kanjet.

### **1.3 Skop Kajian**

Terdapat tiga faktor limitasi kajian yang didapati oleh pengkaji di dalam melaksanakan kajian ini. Limitasi kajian adalah seperti berikut:

- 1) Tempoh kajian adalah singkat yang bermula dari bulan Mei hingga Disember 2018. Tempoh ini merangkumi proses *pre-production*, *production* dan *post-production*. Hal ini kerana proses menghasilkan kostum telah memakan masa yang agak panjang.
- 2) Pementasan ini dijalankan di Panggung Eksperimen, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak. Bilangan penonton terhad dalam kalangan para pelajar di Unimas namun tidak kepada masyarakat yang mendiami di sekitar kawasan Kuching ini.

3) Kumpulan fokus kajian ini melibatkan watak fantasi iaitu Oberon, Titania dan Puck.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

1) Permasalahan yang timbul ketika kajian dijalankan adalah pertembungan budaya semasa proses mengadaptasi naskhah ke dalam kajian. Hal ini kerana naskhah asal oleh William Shakespeare berlatarbelakangkan budaya Barat. Pengkaji memerlukan masa yang banyak untuk menukarkan latarbelakang naskhah asal tersebut kepada budaya etnik yang telah dipilih iaitu Orang Ulu. Pengkaji perlu mendalami dengan lebih terperinci mengenai naskhah yang telah diadaptasi kepada Bahasa Malaysia oleh Ahmad Yatim dan masukkan elemen Orang Ulu dalam pementasan *Mimpi*.

2) Naskhah asal telah diterjemahkan kepada Bahasa Malaysia oleh Ahmad Yatim dengan tajuk *Impian Malam Di Tengah Musim Panas*. *Mimpi* merupakan tajuk pementasan yang dipilih pengarah bagi menggantikan tajuk asal naskhah ini. Permasalahan yang timbul dalam kajian ini adalah naskhah Shakespeare tidak banyak diadaptasikan kepada sesuatu budaya terutamanya budaya Sarawak. Naskhah ini pernah dipentaskan di *Kuala Lumpur Performing Arts Centre* (klpac) pada 2009 serta 2018 dengan memasukkan rentas budaya Kelantan dalam persembahan yang bertajuk *Mak Yong Titis Sakti* di bawah arahan Dr Norzizi Zulkifli. Dalam *Mak Yong Titis Sakti*, pengarah mengekalkan elemen yang terdapat dalam mak yong di mana watak-watak penting seperti Mak Yong, Pak Yong, Peran perlu ada dalam melengkapkan sebuah persembahan mak yong.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam penghasilan rekaan kostum *Mimpi* oleh pengkaji adalah seperti berikut;

1. Apakah jenis motif Orang Ulu yang dapat digunakan dalam pementasan *Mimpi*?

2. Apakah ciri-ciri perwatakan watak Oberon, Titania dan Puck dalam naskhah *Mimpi*?
3. Bagaimanakah motif Orang Ulu dapat direalisasikan dalam rekaan kostum watak Oberon, Titania dan Puck?

### **1.6 Objektif Kajian**

Berikut merupakan objektif yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini:

1. Mengenalpasti bentuk serta maksud motif Orang Ulu yang dapat digunakan pada pementasan *Mimpi*.
2. Menganalisis watak Oberon, Titania dan Puck dalam pementasan *Mimpi* dengan menggunakan kaedah *Mise en Scène*.
3. Menghasilkan rekaan kostum untuk watak Oberon, Titania dan Puck dalam pementasan *Mimpi*.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian seperti ini penting dalam memberikan satu suntikan baru kepada masyarakat luar dan dalam Sarawak mahupun mahasiswa universiti. Kajian ini dapat membantu individu yang berminat untuk bergiat dalam teater dan ingin menggunakan naskhah Greek atau Inggeris dengan melokalisasikan *setting* asal kepada budaya Sarawak atau tempat lain. Hal ini membolehkan mereka menjadikan kajian pengkaji sebagai rujukan mengenai refleksi terhadap penghasilan rekaan kostum bagi naskhah yang dipilih ke dalam sesuatu budaya. Kajian ini juga membantu pereka kostum lain yang bertanggungjawab menghasilkan rekaan dengan memasukkan elemen sesuatu budaya ke dalam sebuah pementasan. Secara amnya, pereka kostum hanya perlu memahami kebudayaan sesebuah etnik yang telah dipilih dan masukkan elemen yang mencerminkan budaya tersebut.

Selain itu, kepentingan kajian ini adalah mendorong orang awam untuk mengenali kebudayaan sesebuah etnik menerusi naskhah Shakespeare. Naskhah ini pernah dipentaskan di Malaysia oleh penggiat teater yang lain. Hanya beberapa pementasan yang mengadaptasikan naskhah ini kepada sesuatu budaya seperti pementasan *Mak Yong Titis Sakti* yang diarahkan oleh Dr Norzizi Zulkifli. Pementasan yang bertempat di *Kuala Lumpur Performing Arts Centre*(klpac) ini mengaplikasikan tradisi budaya Kelantan yang memberikan satu pembaharuan untuk dilihat. Pengarah memasukkan elemen penting seperti tarian mengadap rebab sebelum pementasan dimulakan. Kemudian, watak-watak penting seperti Mak Yong, Pak Yong dan Peran merupakan pelengkap elemen persembahan Mak Yong. Oleh itu, dengan persamaan yang dilakukan dalam pementasan tersebut, ia membantu pengkaji memahami sesebuah pementasan yang mengadaptasikan sesuatu budaya dalam penghasilan rekaan kostum.

## **1.8 Kesimpulan**

Secara rumusnya, pengkaji telah menyatakan penjelasan bagi latar belakang kajian ini, skop dan limitasi, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian serta kepentingan kajian dalam bab ini secara menyeluruh. Penjelasan ini membantu pengkaji dalam mendapatkan titik fokus tujuan kajian dijalankan dalam bab satu. Pada bab yang seterusnya, pengkaji akan mengupas artikel atau bahan ilmiah yang berkaitan dengan kajian ini. Ia membantu pengkaji untuk mendapatkan kajian yang kukuh.

## **BAB DUA**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini, pengkaji menyenaraikan rujukan yang digunakan dalam membantu penulisan kajian pengkaji. Pengkaji mendapatkan rujukan yang berkaitan dengan kajian kes daripada jurnal artikel dan buku-buku yang diperolehi di perpustakaan universiti serta laman web. Pengumpulan maklumat ini membantu pengkaji untuk mengukuhkan lagi kajian serta memberikan pemahaman yang terperinci dalam kajian

#### **2.2 *Intercultural Theatre***

Menurut Charlene Rajendran & C.J. Wan-ling Wee (2007), adalah mengenai sebuah percampuran budaya dalam teater dari segi bahasa dan budaya. Perbezaan budaya atau etnik boleh diletakkan di dalam pementasan yang dijalankan. Menerusi hasil kerja Kristen Jit, beliau telah mencampurkan elemen tradisional dan kontemporari dalam pementasan teaternya. Penyelidikan beliau dalam mengenali identiti budaya menjadikan ia sebagai satu tarikan dalam *Intercultural Theatre* di Malaysia. Teater merupakan tapak yang bertujuan untuk menganalisis budaya serta identiti.

Berdasarkan petikan yang diambil dalam kajian Dr Norzizi Zulkifli daripada Jacqueline Lo dan Helen Gilbert (2002), John Martin (2004) dan Ric Knowles's (2010) mendefinisikan *intercultural theatre* sebagai bentuk persembahan antara budaya yang berbeza bagi menghasilkan sebuah bentuk kerja yang baru dan mencabar. Kajian beliau mendedahkan mengenai pementasan yang kontemporari dan mampu berkomunikasi kepada penonton Malaysia dan Australia.

Artikel tersebut membantu pengkaji dalam memasukkan karya asal Shakespeare ke dalam etnik budaya Sarawak yang telah dipilih pengarah dalam pementasan *Mimpi* iaitu Orang Ulu. Berdasarkan kajian kes, pengkaji perlu menitikberatkan unsur magis yang terkandung dalam naskhah asal serta kebudayaan etnik Orang Ulu terdahulu supaya tidak menyentuh isu sensitiviti. Shakespeare dan etnik Orang Ulu mempunyai jurang budaya yang jauh berbeza. Justeru itu, rekaan kostum yang dikenakan pada watak Oberon, Titania dan Puck perlu mengandungi motif Orang Ulu yang bertujuan untuk menampakkan berlakunya percampuran budaya dalam pementasan *Mimpi* ini.

### **2.3 Pembentukan Watak**

Penggunaan kostum dalam sebuah pementasan teater begitu penting bagi menyempurnakan elemen sinografi sesebuah karya yang dipentaskan. Michael Holt (1993) menjelaskan mengenai kepentingan kostum dalam sesebuah pementasan. Kostum ini membantu pelakon dalam membentuk karakter watak yang dibawa malah ia memberi sebuah tanda kepada penonton dalam mentafsir informasi yang diberikan. Tambahan pula, penggunaan kostum yang bagus mencerminkan psikologi sebenar watak yang disandang.

Oleh yang demikian, pengkaji perlu menilai jenis motif dan bahan yang digunakan dalam rekaan kostum etnik dipilih dengan betul serta memberikannya sebuah gambaran yang jelas. Kajian pengkaji yang lebih menfokuskan kepada watak-watak fantasi mendorong pengkaji untuk membezakan antara kriteria watak tersebut. Kostum yang berperanan penting dalam menghidupkan sesuatu watak. Jadi, pereka kostum perlu membuat penelitian bagi tujuan penonton memahami informasi yang disalurkan melalui lakonan para pelakon.

## **2.4 Status Watak dalam Pementasan**

Tina Bicât (2003) menyebut mengenai kelas dan status sesuatu watak dalam pementasan dalam buku penulisannya. Penonton dapat mengenalpasti status pelakon melalui kostum yang digunakan semasa pementasan. Kostum ini secara dasarnya membantu penonton untuk mengenalpasti karakter yang disampaikan pelakon. Oleh sebab itu, pereka kostum perlu menitikberatkan perbezaan status tersebut supaya ia kelihatan dan penonton dapat membuat perbandingan. Pemilihan warna pada kostum juga penting kerana dalam pementasan teater, pencahayaan yang digunakan boleh menyebabkan kostum pada watak itu tidak kelihatan. Justeru itu, pereka kostum dan cahaya perlu melakukan perbincangan sebelum sesi latihan lakonan bermula dan mewujudkan keharmonian pada ruang pentas lakon.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, pereka perlu memperlihatkan kepada penonton unsur fantasi yang diambil daripada naskhah Shakespeare yang asal kepada watak-watak tersebut. Perbandingan diantara seorang raja dan ratu iaitu Oberon dan Titania dengan Puck perlu jelas kelihatan supaya status mereka sebagai watak yang tinggi darjat tidak kelihatan sama seperti orang kanannya. Selain itu, pengkaji juga perlu menekankan elemen Orang Ulu pada watak magis ini. Pengkaji juga perlu mengenalpasti warna-warna yang digunakan dalam motif oleh etnik Orang Ulu serta fungsi warna tersebut bagi membezakan status watak dalam pementasan ini. Dalam pementasan ini, pengkaji telah membezakan warna yang dikenakan oleh watak Oberon dan Titania berikutan pengkaji ingin memperlihatkan kepada penonton berkenaan dengan konsep pembawaan watak mereka.